

# HAK MANUSIA

Suatu jawapan kepada Tuan Edmund Burke  
perihal serangan beliau ke atas revolusi Perancis

T h o m a s P a i n e

Terjemahan  
Eekmal Ahmad



Institut Kajian Dasar

Hak Manusia  
Suatu jawapan kepada Tuan Edmund Burke  
perihal serangan beliau ke atas  
revolusi Perancis

*Buku ini merupakan karya  
Thomas Paine  
“The Rights of Man”*

*Terjemahan  
Eekmal Ahmad*

*penerbitan  
Institut Kajian Dasar (IKD)  
(ikdbudaya@gmail.com)*

*Cetakan Pertama, 2014.*

*Perpustakaan Negara Malaysia Data Mengkatalog-dalam-Penerbitan  
I. Kemerdekaan. 2. Keperibadian 3. Kekuasaan I. Thomas Paine  
II. Judul: Hak Manusia*

*Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana  
bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk  
dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi,  
mekanik, rakaman, atau cara lain  
sebelum mendapat izin bertulis daripada  
Institut Kajian Dasar*

*ISBN 978 983 884 101 6*

*font Cambria*

*dicetak di  
Mj Production  
No. 23 Jln. PBS 14/13,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300 Seri Kembangan, Selangor.*

## ***daftar isi***

Nota terjemahan Hak Manusia  
oleh Thomas Paine ...5

Hak-hak Manusia  
Menjadi Jawapan Kepada Serangan Tuan Burke Ke  
Atas Revolusi Perancis ...9

Prakata buat versi bahasa Inggeris ...10

Hak-hak Manusia ...15

Deklarasi Hak-hak Manusia Dan Rakyat Oleh  
Perhimpunan Nasional Perancis ...126

Pemerhatian tentang deklarasi hak-hak ...132

Rampaian ...135

Konklusi ...163

*Indeks* ...175



## **Nota terjemahan Hak Manusia oleh Thomas Paine**

Terjemahan yang tersedia ini merupakan terjemahan bahagian pertama Rights of Man, karya Thomas Paine. Bahagian pertama ini merupakan jawapan kepada dakwaan-dakwaan Edmund Burke ke atas Revolusi Perancis yang meletus pada 1789 itu. Karya Burke yang berjudul Reflections on Revolution of France itu diterbitkan pada 1790 dan ianya terjual sebanyak tiga puluh ribu naskhah dalam jangka masa lima minggu. Bukan sahaja kerana tulisan Burke itu mendapat sambutan akan tetapi juga ianya mengandungi kekuatan intelektualisme serta sosok Edmund Burke itu sendiri, yang dikenali sebagai seorang reformis, justeru menjadi keutamaan kepada Thomas Paine menjawabnya. Rights of Man berjaya diterbitkan pada bulan Mac 1791 (bahagian kedua diterbitkan hampir setahun kemudian, pada Februari 1792) selepas penerbit awalnya Joseph Johnson menarik diri kerana takut didakwa, mujur kemudian J.S Jordan menawarkan diri untuk menjadi penerbit. Akhirnya penerbitan Rights of Man mencecah satu juta naskhah, jauh mengatasi penerbitan Reflections on Revolution of France itu.

Kami sengaja menerbitkan bahagian pertama ini terlebih dahulu kerana pada pandangan kami amatlah mustahak untuk kita memahami hujah-hujah Paine demi mempertahankan Revolusi Perancis dan pada masa

yang sama membolehkan pembaca membandingkannya dengan karya Edmund Burke tersebut. Serangan Edmund Burke yang diterbitkan kurang dari 18 bulan selepas pencerobohan Bastille seputar kepada andaian penduduk Perancis atau lebih tepatnya para pendokong revolusi di sebalik keghairahan mereka untuk meraikan Liberty itu, gagal memahami makna Liberty atau Kemerdekaan yang sebenar. Amatlah mudah sekarang ini untuk meremehkan Burke sebagai penyokong Monarki sehingga kita terlupa bahawa Burke juga merupakan seorang reformis, penyokong kuat untuk tidak menggunakan keganasan ke atas koloni Amerika Syarikat serta berusaha kuat mendakwa Warren Hastings, bekas Gabenor Jeneral Wilayah Bengal atas kesalahan salah guna kuasa.

Justeru kita perlu berhati-hati apabila membaca Burke walaupun semangat kita meluap-luap mahu bersama Paine yang jelas menyokong sebuah negara republik dan memansuhkan aristokrasi, sebagaimana yang beliau sebut dalam *Rights of Man*, "to exterminate ... monster aristocracy root and branch." Akan tetapi meneliti Burke, tatkala kita tidak semestinya seluruhnya bersetuju dengan beliau membolehkan kita sekurang-kurangnya menghargai hujah beliau. Burke akur kewujudan masyarakat sivil adalah demi melindungi Hak-hak Manusia dan hak manusia mengejar kebahagiaan.

Cumanya bagi beliau, kebahagiaan hanya dapat ditemui menerusi kebaikan dan mengakui adanya keterikatan sebagaimana yang Burke sebut, "which are imposed by the virtues upon the passions." Bagi Edmund Burke, manusia tidak bebas sebebannya. Manusia terikat antaranya, dengan akal sihat, undang-undang, norma moral dan kerajaan yang memerintah. Burke juga mengkritik semangat Revolusi Perancis kononnya berasaskan hak manusia yang dihayalkan, "imaginary rights of men." Kerana berasaskan khayalan inilah, menurut Burke, setiap manusia merasakan merekalah

hakim terbaik berkenaan apa yang terbaik buat mereka. Dari sinilah juga, menurut Burke, manusia merasakan mereka punyai keabsahan politik, perkongsian legitimasi dengan setiap warganegara untuk menentukan apa yang terbaik buat mereka. Edmund Burke tidak bersetuju dengan logika ini. Bagi beliau manusia sudah tentu berhak menikmati kerajaan yang terbaik, akan tetapi kerajaan terbaik tidak semestinya berhasil dari keputusan mereka yang teramai, atau akibat dari dokongan majoriti. Apa yang Burke hadapkan kepada kita adalah persoalan besar berkaitan “natural rights,” hak semulajadi. Malangnya kesimpulan beliau adalah “true natural aristocracy,” sekaligus menjadi dalil mempertahankan monarki.

Kerana itu, tidak dapat tidak Thomas Paine dan Rights of Man begitu mengujakan. Bukan sahaja kerana kekuatan hujah-hujahnya, akan tetapi juga kerana keupayaan Paine membaca perubahan semasa yang merentasi Atlantik. Paine dan para pelopor Pencerahan Radikal lainnya seperti Condorcet, Benjamin Rush dan Diderot. Bukannya mereka semua ini tidak skeptikal dengan perkembangan di Amerika Syarikat yang memungkinkan aristokrasi tidak formal, akan tetapi mereka punya ketajaman melihat peluang untuk kuasa secara warisan, dan memastikan kuasa politik kepada rakyat. Kita boleh merumuskan Pencerahan Radikal adalah suatu madrasah dari beberapa mazhab lainnya dalam Zaman Pencerahan. Mazhab ini menekankan perjuangan demokrasi, kesaksamaan antara kaum dan jantina, kemerdekaan individu, kebebasan berfikir serta kemerdekaan negara dari cengkaman teokrasi. Makanya dengan terbitnya terjemahan ini adalah diharapkan warga Malaysia boleh menghayati salah satu adiknya tokoh besar zaman Pencerahan; Pencerahan Radikal.

Mohd Eekmal Ahmad



**Hak-hak Manusia**  
**Menjadi Jawapan Kepada Serangan Tuan Burke**  
**Ke Atas Revolusi Perancis**

---

George Washington  
PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT

TUAN,

Saya persembahkan kepada tuan suatu risalah kecil bagi mempertahankan prinsip-prinsip kebebasan yang mana kepimpinan teladan tuan dengan penuh iltizam telah berjaya menubuhkannya. Semoga Hak-hak Manusia akan menjadi sejagat seperti mana harapan tuan yang terutama, dan juga tuan dapat menikmati kegembiraan melihat Dunia Baru tumbuh menggantikan Dunia Lama, inilah permohonan saya,

TUAN,

Hambamu Yang Terhutang Budi, dan  
Yang Patuh dan Merendah Diri,  
THOMAS PAINE

### **Prakata buat versi bahasa Inggeris**

Daripada bahagian yang diambil oleh Tuan Burke di dalam Revolusi Amerika, ia adalah semulajadi bagi saya untuk menyatakan bahawa dia adalah kawan bagi seluruh umat manusia; dan sebagaimana kenalan kami yang bermula atas dasar tersebut, adalah lebih menyenangkan bagi saya untuk meneruskannya atas pendapat tersebut daripada saya merubahnya.

Pada masa Tuan Burke membuat ucapan ganasnya pada musim sejuk yang lepas di Parlimen Inggeris perihal Revolusi Perancis dan Perhimpunan Nasional, saya berada di Paris, dan telah menulis kepadanya tentang betapa berjayanya semuanya berlangsung. Tidak lama selepas itu saya melihat iklan berkenaan risalah yang bakal Tuan Burke terbitkan: Sementara serangan itu akan dilakukan dalam bahasa yang tidak banyak dipelajari, dan kurang difahami di Perancis, dan di mana maksudnya akan terjejas kerana penterjemahan, saya berjanji kepada beberapa kawan Revolusi di negara itu apabila keluarnya Risalah Tuan Burke, saya akan menjawabnya. Jawapan kepadanya sememangnya harus ditulis; pabila

saya melihat kandungan risalah Tuan Burke yang mengelirukan dan terang-terangan, satu penyalahgunaan yang melampaui batas perihal Revolusi Perancis, dan prinsip Kebebasan. Ini adalah tanggungjawab buat seluruh dunia.

Saya amat hairan dan kecewa dengan perilaku Tuan Burke, dan (daripada keadaan yang saya akan sebutkan nanti) maka telah wujud andaian yang lain.

Saya sudah melihat banyak kesengsaraan perang, dan mengharapkan bahawa ia tidak akan wujud lagi di muka bumi ini, dan akan ada cara lain ditemui bagi menyelesaikan perbezaan yang timbul dari negara-negara jiran. Hal ini semestinya boleh dilaksanakan jika kerajaan dilupuskan untuk menegakkan hak baginya, dan jika negara-negara mendapat pencerahan yang cukup bagi mengelakkan mereka dari ditipu kerajaan. Rakyat Amerika telah dilahirkan dengan prejudis yang sama kepada Perancis, di mana pada masa itu dibentuk oleh rakyat England; namun, pengalaman dan persahabatan dengan negara Perancis dengan jayanya menunjukkan kepada warga Amerika kepalsuan prejudis-prejudis tersebut. Saya tidak percaya bahawa adanya hubungan antara dua negara yang lebih mesra dan akrab selain daripada Amerika dan Perancis.

Apabila saya tiba di Perancis, pada musim bunga 1787, Archbishop of Toulouse merupakan Menteri ketika itu, dan sangat dihormati.

Saya telah berkenalan rapat dengan setiausaha sulit menteri tersebut, seorang yang sangat baik hati; dan

saya mengetahui bahawa sentimen yang ada padanya tentang kegilaan perang adalah mirip dengan sentimen saya. Kecelakaan antara dua negara, seperti England dan Perancis; sangat membimbangkan negara masing-masing, sehingga tidak lain saling meningkatkan beban dan cukai. Saya yakin saya tidak salah mengerti beliau dan begitu juga beliau dengan saya. Saya curahkan intipati pandangan kami menerusi suatu surat dan saya kirimkan kepadanya, beserta suatu permintaan jikalau saya dapati wujudnya kecenderungan di kalangan rakyat England untuk menyemai pemahaman yang lebih mendalam mengenai kedua-dua negara, yang mana saya akui telahpun wujud, akan tetapi mampukah saya berkata sedemikian mengenai rakyat Perancis? Dia menjawab persoalan tersebut melalui sepucuk surat dengan cara yang sangat berterus terang, bukan sekadar bagi pihak dirinya, tetapi juga bagi pihak menteri, di mana dengan pengetahuan menteri tersebut surat itu dibenarkan untuk ditulis.

Saya menyerahkan surat ini kepada Tuan Burke tiga tahun yang lalu, di mana ia masih berada ditangannya, dengan harapan yang dia akan berpeluang untuk menggunakannya dengan baik, atas niat untuk menyingkirkan segala kesalahan dan membuang prejudis di antara dua negara berjiran, yang kerana gagal memahami satu sama lain telah menyebabkan kerosakan.

Apabila meletusnya Revolusi Perancis, Tuan Burke berpeluang melakukan kebaikan, jika dia bertindak sedemikian, tetapi dari memilih agar prejudis lama

mereput, dia terus menerus menanam benih perilaku yang usang, bagaikan dia takut England dan Perancis akan berhenti menjadi musuh. Sememangnya ada manusia yang mencari rezeki dengan perang, dan semarakkan pergaduhan antara negara-negara, memang mengejutkan walaupun ia benar, tapi apabila mereka yang berkedudukan di dalam kerajaan sesuatu negara, menghalakan perjuangan mereka untuk menyemai perselisihan dan memupuk prejudis antara negara, ia menjadi sesuatu yang sangat tidak boleh dimaafkan.

Berkenaan satu perenggan di dalam penulisan ini yang merujuk kepada Tuan Burke mendapat pencen, laporan itu sudah beredar untuk suatu masa, sekurang-kurangnya dua bulan, dan sebagai seorang yang sentiasa menjadi orang yang terakhir untuk mengetahui apa-apa penting yang berkaitan dengannya, saya telah sebutkannya, di mana Tuan Burke mungkin ada peluang untuk menyangkal khabar angin itu, jika dia rasakan dia perlu.

THOMAS PAINE